Selesema menyebabkan deria (bau) dan (rasa) terganggu. Kesedapan makanan (tidak dapat) dirasai dengan baik.

Flu causes the (smell) and (taste) senses to be disrupted. The tastiness of food (cannot) be perceived well.

10. Rajah menunjukkan suatu had deria penglihatan. Motosikal tidak kelihatan pada pandangan pemandu kereta *A* di kawasan *W*.
SP 1.2.4 *The diagram shows a limitation of sight. The motorcycle is not visible to the driver of car A in area W.*



(a) Tandakan (✓) pada pernyataan yang menunjukkan maksud had deria penglihatan.
KBAT Mengaplikasi
Tick (✓) the statement that shows the meaning of limitation of sight. **TP 3**

✓	Had keupayaan mata untuk melihat objek. *Limitation in the ability of the eye to see objects.*
	Had otak untuk mentafsir dengan tepat objek yang dilihat. *Limitation of the brain to accurately interprets the objects seen.*

AKTIVITI PAK-21



Ilusi Optik
Optical Illusion

(b) Berdasarkan rajah di atas, jelaskan bagaimana had deria penglihatan tersebut boleh terjadi. **TP 2**
Based on the diagram above, explain how the limitation of sight can occur.

Imej jatuh pada (titik buta (bintik buta)).
The image falls on (blind spot).

(c) Apakah yang boleh dilakukan oleh pemandu kereta *A* bagi mengatasi had deria penglihatannya?
KBAT Menilai
What can the driver of car A do to help him overcome the limitation of sight? **TP 5**

Memasang cermin cembung kecil pada cermin sisi. Kenderaan yang berada di kawasan *W* / titik buta dapat dilihat dan kawasan pandangan menjadi lebih jelas dan luas.

Install a small convex mirror on the side mirror. This allows vehicles that are in the area W/ blind spots to be seen and to get a clear and wider view of the area.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

11. Deria pendengaran dan penglihatan mempunyai had keupayaan. Kita tidak dapat melihat objek yang terlalu halus atau terlalu jauh. Kita juga tidak dapat mendengar bunyi yang sangat perlahan.
SP 1.2.4 1.2.5
Both senses of hearing and sight have limitations. We cannot observe tiny objects or objects that are too distant. We also cannot hear sounds that are too soft.

(a) Nyatakan **satu** contoh: TP 2
*State **one** example of:*

(i) objek yang sangat jauh / *a very distant object* – Objek di angkasa lepas / *Object from the outer space*

(ii) objek yang sangat kecil / *a very small object* – Bakteria; virus / *Bacteria; virus*

(iii) bunyi yang sangat perlahan / *a very soft sound* – Denyutan nadi; degupan jantung / *Pulse; heartbeat*

(b) Bagi setiap situasi yang dinyatakan di **11**(a), namakan alat yang dapat mengatasi masalah ini. TP 3
KBAT Mengaplikasi
*For each situation stated in **11**(a), name the devices that can overcome the problem.*

(i) Binokular / *Binocular*

(ii) Mikroskop / *Microscope*

(iii) Stetoskop / *Stethoscope*

12. Rajah di bawah menunjukkan mekanisme penglihatan manusia.
SP 1.2.4 1.2.5
The diagram below shows the mechanism of human vision.



(a) Penglihatan dalam rajah di atas mengalami kecacatan. Apakah kecacatan itu? Jelaskan. TP 2
The vision in the above diagram has a defect. What is the defect? Explain.

Rabun jauh, tidak dapat melihat objek jauh dengan jelas. / *Short-sightedness, cannot see distant object clearly.*

(b) Nyatakan sebab keadaan ini berlaku dan kaedah pembetulan yang boleh dilakukan. TP 3
KBAT Mengaplikasi
State the cause of the situation and the corrective action that can be taken.

Kanta mata terlalu tebal atau bebola mata terlalu panjang; individu perlu memakai kanta cekung.

Eye lens being too thick or eyeballs being too long; the individual needs to wear concave lens.

13. Amira mempunyai seorang datuk yang sudah tua. Beliau sukar berkomunikasi dengan Amira kerana pendengarannya yang semakin terjejas. Cadangkan **satu** cara untuk Amira membantu datuknya. Terangkan.
SP 1.2.5
*Amira has an old grandfather. He has difficulty communicating with Amira because his hearing is deteriorating. Suggest **one** way for Amira to help her grandfather. Explain.*
KBAT Menganalisis
APLIKASI HARIAN TP 4

Masalah pendengaran datuk Amira boleh diatasi dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Alat bantuan pendengaran membantu menguatkan getaran bunyi untuk mengatasi masalah gegendang telinga yang tidak kenyal akibat daripada proses penuaan.

The hearing problem that Amira's grandfather is facing can be overcome by using a hearing aid. Hearing aids help to amplify sound vibrations to overcome the problem of the eardrum being inelastic as a result of the aging process.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 30 – 35

1.3 Rangsangan dan Gerak Balas dalam Tumbuhan
Stimuli and Responses in Plants

1. Tumbuhan melakukan dua jenis gerak balas, iaitu tropisme dan gerak balas nastik. **TP 1**
SP 1.3.1 *Plants perform two types of responses, namely tropism and nastic movement.*

(a) Padankan pernyataan dengan jenis gerak balas.
Match the statements with the type of responses.

(i) Bunga dandelion tertutup pada waktu senja. *Dandelion flowers close at dusk.*	Tropisme *Tropism*
(ii) Bunga matahari menghadap ke arah barat pada waktu petang. *Sunflowers face west in the evening.*	Gerak balas nastik *Nastic movement*

(b) Bandingkan tropisme dengan gerak balas nastik. **TP 4**
KBAT Menganalisis *Compare tropism and nastic movement.*

Persamaan / *Similarity*:

Kedua-duanya bergerak balas terhadap rangsangan / *Both respond to the stimuli*

Perbezaan / *Difference*:

Tropisme ialah gerak balas berarah, manakala gerak balas nastik adalah tidak berarah; Gerak balas tropisme lebih perlahan, manakala gerak balas nastik adalah spontan. / *Tropism is directional movement, while nastic movement is non-directional; Tropism has a slower response, while nastic movement is spontaneous.*

2. (a) Nyatakan gerak balas bagi tumbuhan di bawah menggunakan perkataan yang diberi. **TP 2**
SP 1.3.1 *State the response for the plants below by using the words given.*



(i) Tigmotropisme / *Thigmotropism*



(ii) Hidrotropisme / *Hydrotropism*

Fototropisme *Phototropism*

Hidrotropisme *Hydrotropism*

Tigmotropisme *Thigmotropism*

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul berkaitan gerak balas tumbuhan terhadap rangsangan.
Tick (✓) the correct statements related to the response of plants to stimuli. **TP 2**

Pernyataan *Statement*	Jawapan *Answer*
(i) Pucuk tumbuhan menunjukkan geotropisme positif. *Plant shoots show positive geotropism.*	
(ii) Akar tumbuhan menunjukkan hidrotropisme positif. *Plant roots show positive hydrotropism.*	✓
(iii) Pucuk tumbuhan menunjukkan fototropisme positif. *Plant shoots show positive phototropism.*	✓
(iv) Akar tumbuhan menunjukkan tigmotropisme positif. *Plant roots show positive thigmotropism.*	

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. (a) SP 1.3.2 Kedua-dua pokok perangkap lalat Venus dan pokok semalu menunjukkan gerak balas nastik seperti dalam rajah di bawah.
Both Venus fly trap and Mimosa sp. *show nastic movements as shown in the diagram below.*





(i) Jelaskan bagaimana gerak balas tersebut berlaku pada kedua-dua tumbuhan itu. **TP 1**
Describe how the responses occur to both plants.

Pokok perangkap lalat Venus menutup daunnya apabila disentuh serangga, manakala pokok semalu akan menguncupkan daunnya apabila disentuh.

Venus fly trap closes *its leaves when touched by insects, while Mimosa* sp. folds *its leaves when touched.*

(ii) Apakah kepentingan gerak balas tersebut terhadap kedua-dua tumbuhan? **TP 2**
What is the importance of the responses to both plants?

Pokok perangkap lalat Venus / *Venus fly trap*:

Memerangkap serangga sebagai makanan

Trap insects as food

Pokok semalu / *Mimosa sp.*:

Mempertahankan diri daripada haiwan herbivor yang ingin memakannya

Protect itself from the herbivores that try to consume them

(b) KBAT Menilai Mei Lin membuat pemerhatian dan mendapati bahawa bunga yang ditanam ibunya di halaman rumah berubah-ubah mengikut waktu. Rajah di bawah menunjukkan keadaan bunga-bunga tersebut.
Mei Lin made an observation and found that the flowers her mother planted in the front yard of the house changed with the time of day. The diagrams below show the states of the flowers.



Tengah hari / *Afternoon*



Malam / *Night*

Jelaskan fenomena tersebut menggunakan pengetahuan sains anda. **TP 5**
Describe the phenomenon with your scientific knowledge.

Bunga melakukan gerak balas fotonastik / *The flowers carry out photonastic movement*

Tengah hari – Cahaya terang menyebabkan bunga berkembang

Afternoon – The bright light causes the flowers to bloom / open fully

Malam – Tiada cahaya, bunga menguncup sepenuhnya / *Night – No light, the flowers close entirely*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Jalankan eksperimen di bawah tentang gerak balas tumbuhan. TP 4
Carry out the experiment below about plant responses.

SP 1.3.3

KBAT Menganalisis

EKSPERIMEN WAJIB

Eksperimen 1: Untuk mengkaji gerak balas tumbuhan terhadap cahaya atau fototropisme
Experiment 1: To study the response of plants to light or phototropism

Arahan / *Instruction*:

1. Sediakan susunan radas seperti yang ditunjukkan dalam rajah.
   Set up the apparatus as shown in the diagram.
2. Lakukan pemerhatian dan lukis keadaan anak benih selepas dua hari.
   Observe and draw the condition of the seedlings after two days.



Pemerhatian / *Observation*:



Eksperimen 2: Untuk mengkaji gerak balas tumbuhan terhadap air atau hidrotropisme
Experiment 2: To study the response of plants to water or hydrotropism

Arahan / *Instructions:*

1. Sediakan susunan radas seperti yang ditunjukkan dalam rajah.
   Set up the apparatus as shown in the diagram.



2. Lakukan pemerhatian dan lukis keadaan anak benih selepas dua hari.
   Observe and draw the condition of the seedlings after two days.

Pemerhatian / *Observation*:



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Eksperimen 3: Untuk mengkaji gerak balas tumbuhan terhadap graviti atau geotropisme
Experiment 3: To study the response of plants to gravity or geotropism

Arahan / *Instructions:*

1. Sediakan susunan radas seperti yang ditunjukkan dalam rajah.
   Set up the apparatus as shown in the diagram.
2. Lakukan pemerhatian dan lukis keadaan anak benih selepas dua hari.
   Observe and draw the condition of the seedlings after two days.



Pemerhatian / *Observation*:



Perbincangan / *Discussion:*

1. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat tentang gerak balas tumbuhan terhadap cahaya, air dan graviti?
What conclusion can be made about the responses of plants to light, water and gravity?

Pucuk bertumbuh ke arah cahaya, manakala akar bertumbuh ke arah air dan graviti.
Shoots grow in the direction of the light, while roots grow in the direction of water and gravity.

2. (a) Namakan gerak balas yang ditunjukkan oleh pucuk anak benih dalam Eksperimen 1.
Name the response shown by the shoots of the seedlings in Experiment 1.

Fototropisme positif / *Positive phototropism*

(b) Apakah kepentingan gerak balas tersebut kepada tumbuhan?
What is the importance of the response to plants?

Mendapat cahaya untuk melakukan fotosintesis.
To obtain light to carry out photosynthesis.

3. (a) Namakan gerak balas yang ditunjukkan oleh akar anak benih dalam Eksperimen 2.
Name the response shown by the roots of the seedlings in Experiment 2.

Hidrotropisme positif / *Positive hydrotropism*

(b) Apakah kepentingan gerak balas tersebut kepada tumbuhan?
What is the importance of the response to plants?

Memperoleh air dan garam mineral / *To obtain water and mineral salts*

4. Nyatakan inferens yang boleh dibuat tentang pertumbuhan akar anak benih dalam Eksperimen 3.
State the inference that can be made about the growth of the roots of the seedlings in Experiment 3.

Akar bertumbuh ke bawah ke arah graviti untuk mendapatkan sumber air yang secukupnya daripada kapas lembap. / *The roots grow downwards in the direction of gravity in order to obtain sufficient water from the moist cotton.*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 36 – 39

1.4 Kepentingan Gerak Balas terhadap Rangsangan dalam Haiwan Lain
Importance of Responses to Stimuli in Animals

1. Sesetengah haiwan mempunyai penglihatan monokular, manakala sesetengah lagi mempunyai penglihatan stereoskopik.
SP 1.4.1
Some animals have monocular vision, whereas some have stereoscopic vision.

(a) Kelaskan haiwan berikut mengikut jenis penglihatan. TP 4
KBAT Menganalisis
Classify the following animals according to the type of vision.

Kucing *Cat* | Burung *Bird* | Ikan *Fish* | Beruang *Bear* | Kuda *Horse* | Arnab *Rabbit*

TUTORIAL
Penglihatan Haiwan
Animal Visions

Jenis penglihatan
Type of vision

- Monokular *Monocular*
  - (i) Burung, ikan, kuda dan arnab
    Bird, fish, horse and rabbit
- Stereoskopik *Stereoscopic*
  - (ii) Kucing dan beruang
    Cat and bear

(b) Kenal pasti jenis penglihatan haiwan dalam rajah di bawah dan lukis medan penglihatannya pada rajah. TP 3
KBAT Mengaplikasi
Identify the types of visions of the animals in the diagram below and draw the field of vision in the diagram.

(i)



Stereoskopik / *Stereoscopic*

(ii)



Monokular / *Monocular*

(c) Bezakan kedua-dua jenis penglihatan berdasarkan kedudukan mata. TP 4
KBAT Menganalisis
Differentiate both types of visions based on the position of the eyes.

Monokular: Di sisi kanan dan kiri kepala / *Monocular: On the right and left side of the head*

Stereoskopik: Di hadapan kepala / *Stereoscopic: In front of the head*

(d) Tandakan (✓) ciri yang berkemungkinan tinggi terdapat pada mamalia yang merupakan mangsa kepada mamalia lain. TP 4
KBAT Menganalisis
Tick (✓) the characteristic that is most likely to be found in the mammals that are prey for other mammals.

TIMSS / PISA

✓	Mata di sisi kepala *Eyes on the sides of the head*		Kuku pada kaki *Claws on feet*
	Gigi panjang dan runcing *Teeth that are long and pointed*		Telinga yang tidak boleh bergerak *Ears that cannot move*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(e) Haiwan-haiwan dalam rajah di bawah mempunyai jenis penglihatan yang berbeza. **TP 5**
The animals in the diagram below have different types of visions.

KBAT Menilai



CETUS IDEA

Hubung kait jenis penglihatan haiwan-haiwan ini dengan kepentingannya dalam kemandirian spesies.
Relate the type of vision of these animals to their importance in species survival.

Harimau mempunyai penglihatan stereoskopik yang dapat menganggarkan jarak dengan tepat untuk menangkap mangsa. Rusa mempunyai penglihatan monokular dengan medan penglihatan yang luas untuk mengesan pemangsa yang mungkin datang dari mana-mana arah.

A tiger has a stereoscopic vision that can accurately estimate the distance to capture its prey. A deer has a monocular vision with a wide field of vision, allowing it to detect predators from any direction.

2. Isi tempat kosong dalam perenggan di bawah dengan perkataan yang betul bagi menerangkan pendengaran haiwan.
Fill in the blanks in the passage below with the correct words to explain the hearing of animals. **TP 2**

SP 1.4.1

Pendengaran menggunakan kedua-dua telinga disebut sebagai pendengaran stereofonik. Pendengaran ini penting untuk menentukan arah dan kedudukan bunyi. Telinga yang lebih hampir dengan sumber bunyi akan mendengar bunyi dengan lebih pantas dan kuat berbanding dengan telinga yang lagi satu. Otak mentafsir perbezaan tersebut dan kedudukan sumber bunyi dapat didengar dengan lebih tepat.

Hearing which uses both ears is known as stereophonic hearing. It is important to determine the direction and location of the sound. The ear which is closer to the sound source will hear the sound faster and louder than the other ear. The brain interprets these differences and the position of the sound source can be heard more precisely.

3. Carta berikut menunjukkan julat pendengaran beberapa jenis mamalia.
The following chart shows the hearing range of several types of mammals.

SP 1.4.1



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(a) Berdasarkan carta, nyatakan mamalia yang mempunyai julat pendengaran yang paling besar. Pada pendapat anda, apakah kegunaan julat pendengaran yang besar ini terhadap mamalia tersebut?
KBAT Menilai
Based on the chart, state which mammal has the largest hearing range. In your opinion, what is the use of this large hearing range to the mammal?
TP 5

Kelawar. Mengesan objek di sekeliling ketika bergerak atau terbang pada waktu malam.
Bat. Detect objects around as they move or fly at night.

(b) Apakah kelebihan kucing untuk mendengar bunyi yang sangat perlahan?
KBAT Menilai
What benefit does a cat have in hearing extremely delicate sounds?
TP 5

Dapat mengesan mangsa yang kecil / *Able to detect small preys*

(c) Pelekap telinga dipakai oleh atlet dalam acara menembak. Terangkan.
KBAT Menilai
Earplugs are worn by the athletes in shooting sports. Explain.
TP 5

Bunyi tembakan yang kuat boleh merosakkan gegendang telinga dan menjadi pekak.
The loud shooting sound can damage the eardrum and the person might become deaf.

4. Sesetengah spesies haiwan mempunyai organ deria khusus bagi mengesan rangsangan untuk melakukan gerak balas.
SP 1.4.1 1.4.2
TP 1
Some animal species have special sensory organs to detect stimuli to give responses.

(a) Nyatakan bagaimana haiwan berikut menggunakan organ deria khusus untuk bergerak balas.
State how the following animals use special sensory organs to response.

(i) Telinga kecil dan duri pada landak Afrika
Small ears and spines on South African hedgehog

Telinga kecil – Pendengaran tajam / *Small ears – Sharp hearing*

Duri – Bergetar dan berbunyi untuk menakutkan musuh / *Spines – Vibrate and produce sound to scare off enemies*

(ii) Misai pada kucing
Cat's whiskers

Mengesan perubahan pergerakan udara / *Detect the changes of airflow*

(iii) Organ Jacobson di bahagian lelangit ular kapak
Jacobson's organ on the roof of a Viper's mouth

Mengesan haba dan bau / *Detect heat and smell*

(b) Rajah di bawah menunjukkan dua spesies ikan dan organ deria yang digunakan dalam gerak balas terhadap rangsangan di persekitaran.
KBAT Mengaplikasi
TP 3
The diagrams below show two fish species and the sensory organs used in response to environmental stimuli.

Terangkan bagaimana kedua-dua spesies ikan itu bergerak balas terhadap rangsangan di habitatnya.
Explain how both fish species respond to stimuli in their habitat.

Ikan ramirezi / *Ramirezi fish*:
Otot terubah suai di bahagian ekor menghasilkan arus elektrik bagi melindungi diri daripada musuh.
Modified muscles at the tail produce electric current for protection against the predator.

Ikan terumbu karang / *Coral reef fish*:
Garis lateral mengesan aliran air dan mangsa serta pemangsa.
The lateral line detects the flow of water and prey as well as predator.



Ikan ramirezi
Ramirezi fish



Ikan terumbu karang
Coral reef fish

PRAKTIS REFLEKSI
Bab 1

KBAT EKSTRA

Tahap Penguasaan Bab 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

ePP+ JOM SEMAK KONSEP PRAKTIS PENGUASAAN

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jom Reka Cipta

SP 1.3.1

KBAT Mencipta



Encik Hassan telah menanam pokok kacang panjang pada bulan lalu tetapi pokoknya tidak dapat tumbuh dengan subur. Hal ini kerana pokok kacang panjang memerlukan struktur tertentu supaya sulur pautnya boleh melilit dan tumbuh ke arah atas.

Mr. Hassan planted long bean plants last month, but the plants did not grow well. This is because long bean plants require a specific structure for their tendrils to twine and grow upward.

Anda dibekalkan dengan alatan berikut. Cadangkan bagaimana untuk mengubah suai tanaman ini dengan menggunakan alatan yang disediakan supaya kacang panjang dapat tumbuh dengan subur. Berikan penerangan bagi pengubahsuaian yang dibuat.

You are provided with the materials below. Suggest how to modify this plant by using the materials provided to ensure the long bean plants able to grow healthy. Give a reason for the modification made.

TP 6

APLIKASI HARIAN





Lakaran / *Sketch*:



Penerangan / *Explanation*:

Batang kayu dan jaring dapat memberi sokongan kepada tumbuhan kacang panjang supaya melilit ke arah atas untuk menerima cahaya matahari. Tujuannya adalah supaya tumbuhan dapat menjalankan fotosintesis.

Wooden sticks and net provide support to the long bean plants for the plant to twine upward to receive the sunlight. The purpose of this is to allow the plants to carry out photosynthesis.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 1

Bahagian A

1. Apakah impuls saraf?
BAB 1
What is a nerve impulse?

A Signal elektrik yang bergerak melalui sel saraf.
An electrical signal that moves through nerve cells.

B Cas elektrostatik yang bergerak melalui sel saraf.
Electrostatic charges that move through nerve cells.

C Signal bunyi yang bergerak ke seluruh badan.
A sound signal that moves through the body.

D Maklumat yang hanya boleh dihantar ke otak.
Information that can only be delivered to the brain.

SP 1.1.1 Aras R Mengingat

2. Apakah fungsi kranium?
BAB 1
What is the function of the cranium?

A Melindungi saraf tunjang
Protects the spinal cord

B Melindungi otak
Protects the brain

C Melindungi saraf spina
Protects the spinal nerves

D Melindungi saraf kranium
Protects the cranial nerves

SP 1.1.1 Aras R Mengingat

3. Rajah di bawah menunjukkan gerak balas yang berlaku apabila seseorang bergerak dari kawasan yang gelap ke kawasan yang terang.
BAB 1
The diagram below shows a response that occurs when a person moves from a dark place to a bright place.



Antara gerak balas berikut, yang manakah sama dengan keadaan di atas?
Which of the following responses is the same as the condition above?

A Berpeluh dalam cuaca panas
Sweating in hot weather

B Menyanyi apabila mendengar lagu rancak
Singing when listening to a lively music

C Bersorak ketika pasukan kebangsaan memenangi perlawanan
Cheering when national team winning a competition

D Menulis nota ketika guru mengajar di hadapan kelas
Writing a note when a teacher is teaching in front of a class

SP 1.2.1 Aras T Mengaplikasi

4. Rajah di bawah menunjukkan tindak balas sentakan lutut.
BAB 1
The diagram below shows a knee-jerk reaction.



Pilih laluan impuls yang betul bagi tindak balas di atas.
Choose the correct impulse pathway for the reaction above.

A Rangsangan → Afektor → Otak → Efektor → Gerak balas
Stimuli → Affector → Brain → Effector → Response

B Rangsangan → Afektor → Saraf tunjang → Efektor → Gerak balas
Stimuli → Affector → Spinal cord → Effector → Response

C Rangsangan → Efektor → Otak → Afektor → Gerak balas
Stimuli → Effector → Brain → Affector → Response

D Rangsangan → Efektor → Saraf tunjang → Afektor → Gerak balas
Stimuli → Effector → Spinal cord → Affector → Response

SP 1.1.2 Aras R Memahami

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

BAB 1

1. (a) Padankan organ deria dengan alat untuk mengatasi had organ deria dengan betul.
Match the sensory organs to the correct devices to overcome the limitations of the sensory organs.



SP 1.2.4 Aras R Mengingat [2 markah / *2 marks*]

(b) Nyatakan **BENAR** atau **PALSU** bagi pernyataan di bawah.
*State **TRUE** or **FALSE** for the statements below.*

Pernyataan *Statement*	BENAR / PALSU *TRUE / FALSE*
(i) Bahan kimia akan melarut di bulu roma hidung dan merangsang reseptor bau. *Chemicals will dissolve in the nasal hairs and stimulate the smell receptors.*	PALSU *FALSE*
(ii) Ciri-ciri imej yang terbentuk di retina adalah lebih kecil dan songsang. *The characteristics of the image formed on the retina are smaller and inverted.*	BENAR *TRUE*

SP 1.2.1 SP 1.2.2 Aras R Memahami [2 markah / *2 marks*]

Bahagian C

KLU SOALAN

1. (a) Gegendang telinga merupakan struktur telinga yang pertama menerima gelombang bunyi di bahagian tengah telinga.
The eardrum is the first ear structure to receive sound waves in the middle ear.
(b) Kecacatan pendengaran boleh berlaku sekiranya telinga kita terdedah kepada bunyi bising dalam tempoh yang lama.
Defects of hearing can occur if our ears are exposed to loud noises for a long period of time.

BAB 1

1. (a) Rajah menunjukkan seorang pekerja pembaikan jalan yang terdedah kepada bunyi bising selama 6 jam sehari, dari Isnin hingga Jumaat.
The diagram shows a road repair worker exposed to noise for 6 hours a day, from Monday to Friday.



Tandakan (✓) struktur telinga yang akan terjejas akibat situasi di atas.
Tick (✓) the structure of the ear that will be affected by the situation above.

Osikel / *Ossicle*	Koklea / *Cochlea*	Gegendang telinga / *Eardrum*
		✓

SP 1.2.4 Aras R Mengingat [1 markah / *1 mark*]

(b) Nyatakan kesan yang mungkin akan berlaku kepada pekerja pembaikan jalan tersebut.
State the possible effects on the road repair worker.

Pendengaran menjadi kurang jelas / *Hearing becomes less clear*

Gegendang telinga pecah / *Eardrum ruptures*

SP 1.2.4 Aras R Memahami [2 markah / *2 marks*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Cadangkan satu langkah keselamatan bagi memelihara deria pendengaran semasa bekerja dalam persekitaran yang bising dalam tempoh yang lama. Terangkan.
Suggest a safety measure to preserve the sense of hearing when working in a noisy environment for a long period of time. Explain.

Memakai alat pelindung pendengaran. Alat pelindung pendengaran dapat mengurangkan frekuensi bunyi. Maka, organ telinga dapat dipelihara daripada bunyi yang kuat secara tiba-tiba dan terdedah dalam tempoh yang lama. / *Wear hearing protection. Hearing protection can reduce the intensity of sound. Therefore, the ears can be protected from sudden loud noises and prolonged exposure.*

SP 1.2.4 Aras S Mengaplikasi [3 markah / *3 marks*]

(d) Jadual di bawah menunjukkan maklumat yang diperolehi daripada sebuah klinik.
The table below shows information obtained from a clinic.

Julat umur (tahun) *Age range (years)*	**Bilangan pesakit yang mengalami masalah pendengaran (orang)** *Number of patients with hearing problems (people)*
20 – 29	2
30 – 39	4
40 – 49	7
50 – 59	10
60 – 69	15

Berdasarkan jadual, jelaskan hubungan bilangan pesakit yang mengalami masalah pendengaran dengan peringkat umur.
Based on the table, explain the relationship between the number of patients with hearing problems with age range.

Semakin bertambah umur pesakit, semakin bertambah bilangan pesakit yang mengalami masalah pendengaran. Semakin bertambah umur, semakin kecil julat frekuensi pendengaran akibat gegendang telinga menjadi semakin kurang kenyal. Oleh itu, kebolehan untuk mendengar berkurangan. / *As the patient ages, the number of patients with hearing problem increases. The older you get, the smaller the range of hearing frequencies due to the eardrum becoming less elastic. Therefore, the ability to pick up sounds decreases.*

SP 1.2.4 Aras T Menganalisis [3 markah / *3 marks*]

(e) Seorang guru menggunakan set mikrofon dan pembesar suara semasa berucap di dewan sekolah semasa perhimpunan. Wajarkan tindakan guru itu.
A teacher uses a set of microphone and loudspeaker while speaking in the school hall during an assembly. Justify the teacher's action.

Pembesar suara menguatkan bunyi supaya dapat didengari dari jauh. Ucapan guru dapat didengari dengan jelas oleh murid. Guru tidak perlu menjerit semasa berucap. / *A loudspeaker amplifies sound so that it can be heard from a distance. A teacher's speech can be heard clearly by the students, so the teacher does not need to shout while speaking.*

SP 1.2.4 Aras T Menilai [3 markah / *3 marks*]

KLU SOALAN

2. (b) Pucuk tumbuhan menunjukkan jenis tropisme yang positif apabila bergerak balas terhadap cahaya.
Plant shoots show positive tropism when responding to light.
(e) Tigmotropisme merupakan gerak balas tumbuhan terhadap sentuhan. Sulur paut tumbuhan akan berpaut pada sebarang objek atau tumbuhan lain untuk menumbuh secara tegak dan memperoleh cahaya matahari.
Thigmotropism is a plant response to touch. Plant tendrils will twine around any object or other plant in order to grow upright and obtain sunlight.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

BAB 1

2. (a) Ranita telah meletakkan pokok bunga yang ditanamnya di dalam pasu bunga di tepi tingkap rumahnya. Selepas beberapa minggu, dia mendapati pokok bunganya telah tumbuh condong ke arah tingkap seperti yang ditunjukkan dalam rajah.
Ranita placed the plotted flower plant she grew by her house window. After a few weeks, she noticed that the plant had grown leaning towards the window, as shown in the diagram.



Nyatakan jenis gerak balas yang ditunjukkan oleh pokok bunga itu.
State the type of response shown by the flowering plant.

Fototropisme / *Phototropism*

SP 1.3.1 Aras R Mengingat [1 markah / *1 mark*]

(b) Nyatakan kepentingan pucuk bergerak balas terhadap rangsangan yang dinyatakan dalam **2**(a). Terangkan.
*State the importance of the shoot responding towards stimuli stated in **2**(a). Explain.*

Untuk memperoleh cahaya matahari yang mencukupi. Tumbuhan memerlukan cahaya untuk fotosintesis. / *To obtain sufficient sunlight. Plants need light for photosynthesis.*

SP 1.3.2 Aras R Memahami [2 markah / *2 marks*]

(c) Bapa Ranita ingin menanam pokok kacang botol seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.
Ranita's father wants to plant a winged bean plant as shown in the diagram below.



Apakah yang perlu dilakukan oleh bapa Ranita agar pokok kacang botol itu tumbuh tegak? Terangkan.
What does Ranita's father need to do so that the winged bean plant can grow upright? Explain.

Mencucuk kayu bersebelahan pokok tersebut ditanam. Ini membolehkan sulur paut pokok tersebut melilit padanya. Oleh itu, pokok tersebut akan tumbuh secara menegak untuk memperoleh cahaya matahari. / *Insert a wooden stick to the plant where it is grown. This allows the plant's tendrils to coil around it. Consequently, the plant will grow upright to obtain sunlight.*

SP 1.3.2 Aras R Mengaplikasi [3 markah / *3 marks*]

(d) Rajah di bawah menunjukkan dua jenis tumbuhan.
The diagram below shows two types of plants.



Pokok semalu
Mimosa sp.



Pokok seri pagi
Morning glory

Bandingkan jenis gerak balas kedua-dua jenis tumbuhan tersebut.
Compare the types of response of both types of plants.

Pokok semalu menjalani gerak balas nastik yang berlaku lebih cepat dan bertindak sebagai pertahanan. Pokok seri pagi pula menjalani gerak balas tigmotropisme yang membolehkannya tumbuh secara menegak dan mendapatkan sokongan. / *Mimosa sp. undergoes a nastic response which occurs more quickly and acts as a defence. Morning glory undergoes a thigmotropism response which allows it to grow vertically and gain support.*

SP 1.3.1 Aras S Menganalisis [2 markah / *2 marks*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Akhir Tahun

Bahagian A / *Section A*
[20 markah / *20 marks*]

Jawab **semua** soalan. / *Answer **all** questions.*

SKOR /100

1. Rajah di bawah menunjukkan seekor harimau memburu mangsanya.
The diagram below shows a tiger hunts its prey.



Apakah kelebihan yang ada pada harimau yang menjadikannya pemangsa yang hebat?
What advantages does the tiger have that make them a great predator?

A Mempunyai imej tiga dimensi
Has three dimensional image

B Dapat menganggar jarak mangsa dengan tepat
Can estimate the distance of prey accurately

C Kedua-dua mata yang terletak di sisi kepala
Both eyes are located at the sides of the head

D Medan penglihatan yang luas yang boleh mengesan mangsa dari pelbagai arah
Wide field of vision that can detect prey from any direction

2. Rajah di bawah menunjukkan satu tumbuhan dalam pasu yang tumbang.
The diagram below shows a plant in a fallen pot.



Apakah kesimpulan dari pemerhatian terhadap pasu bunga itu?
What conclusion can be drawn from the observation on the flower pot?

A Akar dan pucuk menunjukkan geotropisme positif.
Roots and shoots show positive geotropism.

B Akar dan pucuk menunjukkan geotropisme negatif.
Roots and shoots show negative geotropism.

C Akar menunjukkan geotropisme positif, manakala pucuk menunjukkan geotropisme negatif
Roots show positive geotropism, while shoots show negative geotropism

D Akar menunjukkan geotropisme negatif, manakala pucuk menunjukkan geotropisme positif
Roots show negative geotropism, while shoots show positive geotropism

3. Apakah yang dimaksudkan dengan perokok pasif?
What is meant by passive smokers?

A Seseorang yang tidak merokok tetapi menyedut asap rokok.
A person who does not smoke but inhales cigarette smoke.

B Seseorang yang merokok dan menyedut asap rokok.
A person who is smoking and inhales cigarette smoke.

C Seseorang yang melihat orang merokok tetapi tidak berbuat apa-apa.
A person who sees someone smoking but do nothing.

D Seseorang yang merokok dan menggalakkan orang lain merokok.
A person who smokes and encourages others to smoke.

4. Apakah kepentingan struktur kapilari darah di sekeliling alveolus?
What is the importance of blood capillaries surrounding the alveolus?

A Meningkatkan kadar resapan
Increase the rate of absorption

B Meningkatkan kadar pertukaran gas
Increase the rate of gas exchange

C Menambahkan kelembapan permukaan alveolus
Adding moisture to the surface of the alveolus

D Membolehkan haiwan bernafas di darat dan di dalam air
Allow animals to breathe on land and in water

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B / *Section B*

[20 markah / *20 marks*]

Jawab **semua** soalan. / *Answer **all** questions.*

1. (a) Bulatkan jawapan yang betul bagi persamaan perkataan dalam tindak balas yang berikut.
Circle the correct answers for the word equations in the following reactions.

(i) Magnesium (*Magnesium*) + Oksigen (*Oxygen*) → **Magnesium oksida** (*Magnesium oxide*) | Magnesium dioksida (*Magnesium dioxide*)

(ii) Zink oksida (*Zinc oxide*) + Karbon (*Carbon*) → Zink dioksida (*Zinc dioxide*) | **Zink** (*Zinc*) + Karbon dioksida (*Carbon dioxide*)

[2 markah / *2 marks*]

(b) Nyatakan **BENAR** atau **PALSU** bagi pernyataan di bawah.
*State **TRUE** or **FALSE** for the statements below.*

Pernyataan ***Statement***	**BENAR / PALSU** ***TRUE / FALSE***
(i) Timah kurang reaktif daripada karbon. *Tin is less reactive than carbon.*	BENAR *TRUE*
(ii) Kalsium kurang reaktif daripada karbon. *Calcium is less reactive than carbon.*	PALSU *FALSE*

[2 markah / *2 marks*]

2. (a) Rajah menunjukkan pesongan sinaran radioaktif dalam medan elektrik.
The diagram shows the deflection of radioactive radiations in an electric field.



Lengkapkan jenis radiasi dalam rajah dengan α, β atau γ.
Complete the type of radiations in the diagram above by labeling α, β or γ.

[2 markah / *2 marks*]

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.
Tick (✓) the correct statements.

Pernyataan ***Statement***	**Tandakan (✓)** ***Tick (✓)***
(i) Sumber sinaran latar belakang adalah seperti sinaran kosmik, radioisotop daripada kegunaan perubatan dan keradioaktifan daripada bahan radioaktif semula jadi. *The sources of background radiation such as cosmic rays, radioisotopes from medical use and radioactive radiation from natural radioactive substances.*	✓
(ii) Waktu bekerja bagi juruterbang dihadkan bagi mengurangkan pendedahan kepada sinaran kosmik. *The working hours for pilots are limited to reduce exposure to cosmic rays.*	✓
(iii) Mengambil gambar sinar-X tidak mempunyai had kerana merupakan sinaran tidak mengion yang selamat kepada pesakit. *Taking X-rays has no limit because they are non-ionising radiation that is safe for patients.*	

[2 markah / *2 marks*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5. (a) Transpirasi ialah proses kehilangan air dalam bentuk wap air dari permukaan daun ke udara secara penyejatan. Tandakan (✓) bagi faktor-faktor yang mempengaruhi kadar transpirasi.
Transpiration is the loss of water in the form of water vapour through evaporation at the leaf surface. Tick (✓) the factors that affect the rate of transpiration.



	Faktor / *Factor*	(✓)
(i)	Jumlah tanah / *Amount of soil*	
(ii)	Kelembapan udara / *Air humidity*	✓
(iii)	Suhu / *Temperature*	✓

[2 markah / *2 marks*]

(b) Tulis **BENAR** bagi pernyataan yang betul dan **PALSU** bagi pernyataan yang salah.
*Write **TRUE** for the correct statement and **FALSE** for the incorrect statement.*

Pernyataan ***Statement***	**BENAR / PALSU** ***TRUE / FALSE***
(i) Xilem mengangkut garam mineral terlarut dan air dari daun ke seluruh bahagian lain tumbuhan. *Xylem transports soluble salts and water from the leaves to other parts of the plants.*	PALSU *FALSE*
(ii) Akar memperoleh nutrien apabila floem mengangkut sukrosa yang terhasil di daun semasa proses fotosintesis. *Roots obtain nutrients when phloem transports sucrose produced in the leaves during photosynthesis.*	BENAR *TRUE*

[2 markah / *2 marks*]

Bahagian C / *Section C*

[60 markah / *60 marks*]

Jawab **semua** soalan. / *Answer **all** questions.*

1. (a) Rajah di bawah menunjukkan satu eksperimen yang telah dijalankan oleh sekumpulan murid untuk mengkaji tindak balas termokimia. Bacaan awal suhu air sebelum eksperimen ialah 27°C.
The diagram below shows an experiment conducted by a group of students to study thermochemical reactions. The initial temperature reading of the water temperature before the experiment was 27°C.

	Eksperimen ***Experiment***	**Bacaan suhu akhir (°C)** ***Final reading temperature* (°C)**
A		

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

B		

Berdasarkan rajah di atas, nyatakan pemerhatian anda.
Based on the diagram above, state your observation.

Bacaan suhu pada Eksperimen *A* menunjukkan penurunan, manakala bacaan suhu pada Eksperimen *B* menunjukkan peningkatan.

The temperature reading in Experiment A shows a decrease, while the temperature reading in Experiment B shows an increase.

[1 markah / *1 mark*]

(b) Nyatakan **satu** inferens berdasarkan pemerhatian anda pada Eksperimen *A*.
*State **one** inference based on your observation in Experiment A.*

Bacaan suhu pada Eksperimen *A* menunjukkan penurunan kerana tindak balas telah menyerap haba daripada persekitaran.

The temperature reading in Experiment A shows a decrease because the reaction has absorbed heat from the surroundings.

[1 markah / *1 mark*]

(c) Nyatakan faktor yang diubah dan faktor yang diperhatikan dalam eksperimen ini.
State the factor that was changed and the factor that was observed in this experiment.

Faktor yang diubah: Jenis bahan kimia / *Factor that was changed: Type of chemical*

Faktor yang diperhatikan: Bacaan suhu akhir / *Factor that was observed: Final temperature reading*

[2 markah / *2 marks*]

(d) Lengkapkan jadual di bawah untuk menunjukkan data eksperimen yang dikumpulkan.
Complete the table below to show the experimental data collected.

Eksperimen ***Experiment***	**Suhu awal (°C)** ***Initial temperature (°C)***	**Suhu akhir (°C)** ***Final temperature (°C)***
A	27	18
B	27	38

[2 markah / *2 marks*]

(e) Nyatakan definisi secara operasi bagi tindak balas eksotermik di Eksperimen *B*.
State the operational definition of exothermic reaction in Experiment B.

Tindak balas eksotermik ialah tindak balas yang ditunjukkan oleh peningkatan suhu apabila natrium hidroksida dimasukkan ke dalam air.

An exothermic reaction is a reaction indicated by an increase in temperature when sodium hydroxide is added to water.

[1 markah / *1 mark*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.